

Khamis, Apr 12 2018

SH 12/4. **Projek ECRL akan diteruskan**

KOTA BHARU - Kerajaan BN tidak pernah 'menjual' janji, sebaliknya telah melaksanakan pelbagai perubahan besar, sekali gus menguntungkan rakyat di negeri pantai timur termasuk Kelantan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, salah satunya adalah projek berimpak tinggi, Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang membuktikan kesungguhan kerajaan membawa perubahan sangat ketara di negeri pantai timur.

"Kami akan pastikan projek ini berjaya sepenuhnya dan rakyat Kelantan dapat mengecap nikmat perubahan. Banyak faedahnya dan orang Kelantan sudah lama menunggu projek yang membawa perubahan besar kepada masa depan negeri ini.

"Ini satu projek bersejarah yang akan mengubah landskap ekonomi dan kehidupan rakyat di Kelantan dan seluruh pantai timur," katanya dalam ucapan perasmian Majlis Pecah Tanah ECRL di Tunjong di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Seri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah yang juga Pengerusi Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL); Menteri Pengangkutan,

Datuk Sri Liow Tiong Lai dan Pengarah Urusan Eksekutif China Communications Construction ECRL Bhd, Bai Yinzhan.

Najib berkata, sekiranya mahukan sesebuah negara itu maju dengan ketaranya, maka perhubungan sistem pengangkutan antara wilayah perlu wujud dengan Malaysia, sama seperti projek ECRL yang dilaksanakan kerajaan.

Menurutnya, sekiranya projek itu dibatalkan disebabkan beberapa perkara di timbulkan pihak lawan, ia akan merugikan rakyat Malaysia, malah kerajaan telah mengambil langkah terbaik dalam pelaksanaannya.


Tegasnya, selain dapat menyediakan 80,000 peluang pekerjaan dan memudahkan

perhubungan rakyat terutama pada musim perayaan, pelaksanaan projek itu juga sebenarnya menjadi pemangkin kepada kadar pertumbuhan ekonomi negeri.

"Kita sudah buat kajian bahawa menerusi projek ini kadar pertumbuhan ekonomi di pantai timur akan melebihi 1.5 peratus," katanya.

Sementara itu katanya, beliau juga berusaha agar projek berimpak tinggi di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 itu disiapkan dengan cepat sebelum 2024 berdasarkan kepakaran dimiliki China.

Sementara itu, Mohd Irwan Serigar berkata, projek bernilai RM55 bilion itu berjalan lancar lebih awal daripada dijadualkan.



Najib merasmikan majlis pecah tanah projek ECRL peringkat negeri Kelantan di Tunjong, semalam.

